

10/08/1998

PM bidas sikap pemain, pegawai

Wan Jailani Razak

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak mahu campur tangan dalam krisis yang melanda skuad badminton negara dalam pemilihan pemain ke Kuala Lumpur '98-Sukan Sukan Komanwel XVI.

Perdana Menteri sebaliknya menegur sikap pegawai dan pemain badminton negara yang disifatkannya sebagai lebih mengutamakan pendirian masing-masing daripada kepentingan negara.

"Pemain dan pegawai masing-masing macam tak pandang berat tentang masalah kepentingan negara tetapi lebih mengutamakan pendirian masing-masing," katanya mengulas krisis yang melanda skuad badminton negara.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi (Lisram) di Langkawi semalam, Dr Mahathir berkata: "Saya rasa cara paling senang, buat macam (saranan kartunis) Lat dan Mat Desa supaya mereka lawan bertumbuk siapa menang, dia masuk."

Krisis Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dengan Nusa Mahsuri membabitkan persoalan terhadap penyertaan pemain perseorangan, Roslin Hashim, dalam skuad negara berikutan kegagalannya menghadiri latihan pusat.

Berikutan itu, BAM berpendirian enggan menyenaraikannya atas faktor tidak menghadiri latihan pusat manakala Roslin pula bertegas mahukan Misbun Sidek sebagai jurulatihnya.

Sebelum itu, BAM menutup pintu skuad negara untuk pemain Nusa Mahsuri kerana enggan menyertai sesi latihan bersama mingguan yang bermula 14 Julai lalu.

Roslin terpilih dalam skuad Sukan Komanwel selepas pegawai BAM dan Nusa Mahsuri mengadakan perjumpaan secara berasingan dengan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, pada 29 Julai lalu.

Pemain berusia 23 tahun itu hadir melaporkan diri pada hari pertama latihan pusat pada 4 Ogos sebagaimana yang dikehendaki oleh BAM.

Namun, pemain itu tidak menurunkan tandatangannya kepada syarat dalam surat penerimaan memasuki latihan pusat itu tetapi menjalani dua sesi kendalian Morten Frost Hansen pada hari itu.

Pada hari kedua, Roslin yang menjalani pemeriksaan kesihatannya pada sebelah pagi mengambil keputusan meneruskan latihan bersama Misbun Sidek dalam sesi berasingan bagi Nusa Mahsuri.

Tanpa memberikan sebarang makluman kepada BAM, kecuali surat kepada Persatuan Badminton Kelantan yang diminta merayu bagi pihaknya untuk mendapatkan khidmat Misbun, Roslin akhirnya digugurkan Jumaat lalu selepas tiga hari ponteng daripada latihan pusat itu.

Sebaliknya, BAM memilih pemain gantian, Wong Choon Hann, mengisi tempat Roslin untuk Kuala Lumpur '98.

(END)